

27/10/2002

Mengagumkan

Wan Jailani Razak

ITULAH kata pengunjung dan bisik hati penulis ketika pertama kali menjejaki puncak Gunung Machinchang di Langkawi setinggi 708 meter dari aras laut.

Dari pelantar itu, pengunjung pasti terpegun menyaksikan panorama indah pulau lagenda itu dan 99 gugusan pulau di sekitarnya, tidak termasuk dua pulau buatan manusia di Teluk Burau!

Dalam perjalanan menaiki kereta kabel berbentuk gondola ke puncak gunung itu, pengunjung boleh menyaksikan kehijauan hutan banjaran Gunung Machinchang yang kaya dengan sumber geologi dan botani serta terjunan memutih air terjun Telaga Tujuh.

Malah, jika cuaca mengizinkan pengunjung boleh menyaksikan Pulau Tarutao dan Satun di selatan Thailand. Kedinginan yang menyelimuti tubuh ketika berada di puncak gunung itu, tambah mengasyikkan.

Tidak hairanlah mengapa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencetuskan idea supaya diadakan perkhidmatan kereta kabel ke puncak Gunung Machinchang, ketika melintasi banjaran gunung itu dengan helikopter pada 1999.

Kesungguhan Dr Mahathir untuk melihat projek itu siap mengikut jadual terbukti apabila beliau tidak pernah terlupa untuk singgah di tapak projek, Oriental Village, pada setiap lawatannya ke Langkawi.

Harapan beliau pemandangan indah itu dapat dikongsi bersama menjadi kenyataan apabila perkhidmatan kereta kabel dibuka kepada orang ramai mulai Jumaat ini (1 November).

Pelawat hanya dikenakan bayaran pergi balik RM15 bagi dewasa dan RM10 kanak-kanak tetapi sebagai promosi sempena operasi pertamanya, mereka hanya perlu membayar kurang daripada itu.

Di segi keselamatan, jaminan diberikan perunding projek Dr Peter A Wyss dengan mengatakan penguji bebas dari Austria sudah menjalankan ujian perkhidmatan kereta kabel berkenaan Ogos lalu.

"Tidak ada apa yang perlu dirisaukan. Anda pasti akan melupakan perasaan takut sebaik terpancang keindahan yang disajikan sepanjang perjalanan ke puncak gunung," katanya.

Beliau berkata, kereta kabel yang digerak dengan kuasa elektrik itu dilengkapi sistem keselamatan yang akan memastikan gondola enam tempat duduk itu akan sentiasa dapat kembali ke stesen utama di Oriental Village, Teluk Burau.

Tiga pangkalan disediakan untuk penumpang menaiki kereta kabel itu iaitu pangkalan bumi, pertengahan dan puncak. Keseluruhannya laluan itu dilengkapi 35 gondola yang setiap satu boleh memuat enam penumpang dan perjalanan ke puncak akan mengambil masa sembilan minit.

Kereta kabel itu akan membawa pelawat sejauh 2.2 kilometer ke puncak Gunung Machinchang. Ia bergerak di paras 70 meter atas kawasan hutan hujan di Banjaran Machinchang yang juga kaya dengan ciri geologi.

Projek bernilai RM45 juta itu adalah usaha sama Dopppe-Mayer dari Austria dengan sebuah syarikat tempatan. Projek itu juga sudah mendapat pensijilan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA).

Perkhidmatan itu dikendalikan oleh anak syarikat Lada, Langkawi Cable Car Sdn Bhd diketuai pengurus besarnya, Teoh Cheng Kung.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang terpujau dengan keindahan alam di puncak gunung itu juga yakin perkhidmatan kereta kabel itu akan muncul sebagai satu

destinasi 'mesti lawat' pelancong ke pulau peranginan ini.

Katanya, lawatan pelancong boleh disifatkan tidak cukup syarat jika tidak berbuat demikian kerana ia adalah produk terbaru pelancongan yang amat menarik dan istimewa.

Beliau berkata, pengurusan perkhidmatan kereta kabel juga merancang untuk membina muzium mini batu batan bagi mempamerkan pelbagai jenis batu batan berusia kira-kira 500 juta tahun yang ada di gunung itu.

Katanya, sebuah jambatan juga akan dibina merentangi dua puncak gunung itu membolehkan pelawat mendapat pengalaman berbeza.

Pengurus Besar Lada, Datuk Zainal Karib Abdul Rahim juga sependapat dengan Abdul Kadir dan menjangkakan ia sekali gus membantu meningkatkan kemasukan pelancong ke Langkawi yang berjumlah 1.9 juta orang tahun lalu.

Sehubungan itu, katanya, kerjasama pihak swasta, korporat, badan berkanun dan pertubuhan bukan kerajaan turut diperlukan untuk mencapai matlamat itu.